



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PEMBERITAHUAN PERTUKARAN TEMPOH
PERAKAUNAN OLEH SYARIKAT /
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD / BADAN
AMANAH / KOPERASI**

KETETAPAN UMUM NO. 8/2019

TARIKH PENERBITAN: 6 DISEMBER 2019



**PEMBERITAHUAN PERTUKARAN
TEMPOH PERAKAUNAN OLEH
SYARIKAT / PERKONGSIAN LIABILITI
TERHAD / BADAN AMANAH / KOPERASI**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 8/2019
Tarikh Penerbitan: 6 Disember 2019**

Diterbitkan oleh

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua

Edisi pertama pada 23 Ogos 2011

© 2019 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Anggaran Cukai yang Kena Dibayar	2
5. Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan	7
6. Pengiraan Ansuran Cukai Dipinda Selepas Pertukaran Tempoh Perakaunan	10
7. Kenaikan Berkaitan Bayaran Ansuran Cukai dan Pindaan Anggaran Cukai Kena Dibayar	31
8. Kegagalan Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan	32
9. Kemaskini dan Pindaan	39
10. Penafian	39

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menjelaskan keperluan memaklumkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) mengenai pertukaran tempoh perakaunan oleh sesebuah syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang perlu membuat bayaran secara ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar untuk suatu tahun taksiran (TT) .

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang telah berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 2 dan 107C, subseksyen 21A(3A) dan 112(3A) dan perenggan 120(1)(i).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Anggaran dipinda” bermaksud anggaran dipinda yang dibuat dalam bulan kesembilan dalam tempoh asas atau jika tiada anggaran dipinda dibuat dalam bulan kesembilan dalam tempoh asas, anggaran dipinda yang dibuat dalam bulan keenam bagi tempoh asas tersebut.
- 3.2 “Badan amanah” berhubungan dengan suatu amanah, bermaksud badan amanah yang diperuntukkan di bawah seksyen 61 ACP.
- 3.3 “Koperasi” bermaksud mana-mana koperasi yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pendaftaran koperasi di Malaysia.
- 3.4 “Operasi” berkaitan suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi bermaksud suatu aktiviti yang terdiri daripada:
 - (a) menjalankan suatu perniagaan;
 - (b) membuat pelaburan;
 - (c) menjalankan perniagaan dan membuat pelaburan; atau
 - (d) membuat pelaburan sebelum permulaan perniagaan atau selepas pemberhentian perniagaan.
- 3.5 “Perkongsian liabiliti terhad” bermaksud suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743].

- 3.6 “Syarikat” bermaksud suatu pertubuhan perbadanan dan termasuklah mana-mana kumpulan orang yang ditubuhkan dengan suatu identiti yang berasingan di sisi undang-undang oleh atau di bawah undang-undang sesuatu wilayah di luar Malaysia dan suatu amanah perniagaan.
- 3.7 “Syarikat berkaitan” bermaksud sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar berkaitan dengan saham biasa melebihi daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran (TT).
- 3.8 “Tarikh tamat tempoh” bermaksud hari kelima belas bagi bulan kalendar tersebut.

4. Anggaran Cukai yang Kena Dibayar

4.1 Menentukan anggaran cukai kena dibayar

Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi hendaklah membuat anggaran cukai yang kena dibayar bagi setiap TT seperti berikut:

4.1.1 Baru beroperasi

Anggaran cukai yang kena dibayar bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang baru memulakan operasi untuk TT pertama hendaklah berdasarkan anggaran keuntungan syarikat. Anggaran cukai yang kena dibayar bagi TT pertama tersebut akan menjadi asas kepada penentuan anggaran cukai bagi TT berikutnya.

4.1.2 Sedang beroperasi

Anggaran cukai yang kena dibayar bagi syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang telah memulakan operasi hendaklah tidak kurang daripada 85% anggaran cukai yang dipinda atau anggaran cukai (jika tiada pindaan anggaran cukai dikemukakan) bagi TT sebelumnya.

Contoh 1 - Menentukan anggaran cukai yang kena dibayar

Alpha Emas Sdn Bhd mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar sebanyak RM80,000 bagi TT 2018. Pada bulan ke-6 tempoh asas, syarikat telah meminda anggaran cukai tersebut kepada RM200,000.

Oleh itu, bagi TT 2019, Alpha Emas Sdn Bhd hendaklah mengemukakan anggaran cukai sekurang-kurangnya RM170,000 (85% daripada anggaran cukai yang dipinda berjumlah RM200,000 bagi TT 2018).

4.2 Mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar

4.2.1 Anggaran cukai yang kena dibayar bagi suatu TT oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan iaitu Borang Anggaran Cukai Kena Dibayar (Borang CP204) dan dikemukakan kepada KPHDN melalui medium elektronik tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT itu. Anggaran cukai yang kena dibayar yang telah dikemukakan hendaklah dibayar secara ansuran bulanan yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam tempoh asas bagi TT berkenaan.

4.2.2 Tarikh akhir pengemukaan Borang CP204 adalah seperti berikut:

(a) Perniagaan baru beroperasi

Syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi yang pertama kali memulakan operasi perniagaan dalam suatu TT dan mempunyai tempoh asas untuk tahun tersebut tidak kurang daripada 6 bulan:

- (i) hendaklah mengemukakan Borang CP204 kepada KPHDN dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh permulaan operasi perniagaannya; dan
- (ii) mulai TT kedua, anggaran cukai yang kena dibayar yang dikemukakan kepada KPHDN melalui Borang CP204 hendaklah tidak kurang daripada 85% daripada pindaan anggaran cukai atau anggaran cukai (jika tiada pindaan anggaran cukai dikemukakan) bagi TT sebelumnya.

Anggaran cukai yang kena dibayar yang dikemukakan melalui Borang CP204 hendaklah dibayar kepada KPHDN secara ansuran bulanan yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam suatu tempoh asas. Setiap ansuran hendaklah dibayar tidak lewat daripada tarikh tamat tempoh mulai bulan ke-6 dalam tempoh asas bagi suatu TT yang mana anggaran dikemukakan.

Contoh 2 - Tempoh asas bagi perniagaan baru beroperasi tidak kurang daripada 6 bulan

Koperasi Beribu Bintang telah ditubuhkan pada 25.2.2019. Koperasi memulakan operasi perniagaan pada 1.4.2019 dan tempoh perakaunan pertama berakhir pada 31.12.2019 (9 bulan).

Koperasi Beribu Bintang perlu mengemukakan Borang CP204 untuk TT 2019 tidak lewat daripada 30.6.2019, iaitu 3 bulan daripada tarikh permulaan operasi perniagaannya.

Bayaran ansuran bulanan yang sama bermula pada bulan ke-6 dalam tempoh asas bagi TT 2019, iaitu mulai ansuran bulan September 2019 hingga Mei 2020.

Contoh 3 - Tempoh asas bagi perniagaan baru beroperasi kurang daripada 6 bulan

Citra Maju PLT memulakan operasi perniagaan pada 1.8.2019 dan tempoh perakaunan pertama berakhir pada 31.12.2019 (5 bulan).

Citra Maju PLT tidak perlu mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar bagi TT 2019 kerana tempoh asas PLT untuk TT 2019 adalah kurang daripada 6 bulan [subseksyen 107C(4) ACP].

(b) Perniagaan sedang beroperasi

Syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi yang sedang beroperasi hendaklah mengemukakan Borang CP204 bagi suatu TT tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT berkenaan.

Anggaran cukai yang kena dibayar yang dikemukakan melalui Borang CP204 hendaklah dibayar kepada KPHDN secara ansuran bulanan yang sama yang ditentukan mengikut bilangan bulan dalam suatu tempoh asas. Setiap ansuran hendaklah dibayar tidak lewat daripada tarikh tamat tempoh, mulai bulan ke-2 dalam tempoh asas bagi suatu TT yang mana anggaran itu dikemukakan.

Contoh 4 - Pengemukakan Borang CP204 oleh perniagaan yang sedang beroperasi

Dedaun Lebar, sebuah badan amanah telah memulakan operasi perniagaannya sejak tahun 2010 dan menutup akaun perniagaannya pada 30 Jun setiap tahun. Tempoh asas Dedaun Lebar untuk TT 2019 adalah daripada 1.7.2018 hingga 30.6.2019.

Dedaun Lebar perlu mengemukakan Borang CP204 kepada KPHDN tidak lewat daripada 30 hari sebelum permulaan tempoh asas bagi TT 2019 iaitu pada 31.5.2018.

- (c) Syarikat yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta yang baru beroperasi

Sebuah syarikat yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia yang baru memulakan operasi perniagaan dalam suatu TT tidak perlu mengemukakan Borang CP204:

- (i) untuk TT itu dan TT sebaik selepas TT tersebut;
- (ii) jika syarikat tidak mempunyai tempoh asas bagi TT itu, bagi dua TT yang terdekat yang berikutnya;

dengan syarat bahawa pada awal tempoh asas bagi TT yang dirujuk di perenggan (i) di atas atau bagi dua TT yang terdekat yang berikutnya yang dirujuk di perenggan (ii) di atas, modal berbayar berkaitan saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta.

- (iii) jika syarikat tidak mempunyai tempoh asas bagi TT itu dan TT yang terdekat yang berikutnya, untuk TT itu dan dua TT yang terdekat yang berikutnya:

dengan syarat bahawa semasa syarikat memulakan operasi dan pada permulaan tempoh asas dua TT yang terdekat berikutnya, modal berbayar berkaitan dengan saham biasa tidak melebihi RM2.5 juta.

Walau bagaimanapun, perenggan 4.2.2(c) tidak terpakai sekiranya lebih daripada:

- (i) 50% daripada modal berbayar berkaitan dengan saham biasa syarikat itu adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat berkaitan; atau
- (ii) 50% daripada modal berbayar berkaitan dengan saham biasa syarikat berkaitan itu adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat yang pertama disebut; atau
- (iii) 50% daripada modal berbayar berkaitan dengan saham biasa syarikat yang pertama disebut dan syarikat berkaitan itu adalah secara langsung atau tidak langsung dimiliki oleh syarikat lain.

4.3 Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar

- 4.3.1 Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi boleh dibuat pada bulan ke-6 atau ke-9 atau kedua-duanya dalam suatu tempoh asas untuk

suatu TT dengan menggunakan Borang Pindaan Amaun Anggaran Cukai (Borang CP204A) melalui medium elektronik. Baki ansuran cukai yang kena dibayar selepas pindaan hendaklah dilaraskan menggunakan pendekatan berikut:

- (a) sekiranya pindaan anggaran cukai melebihi jumlah ansuran yang kena dibayar pada tahun sebelum pindaan anggaran cukai itu, perbezaannya hendaklah dibayar mengikut baki ansuran yang tinggal dalam nisbah yang sama. Namun, jika terdapat nilai sen apabila baki ansuran cukai dibahagi dengan baki ansuran yang tinggal, amaun sen tersebut (sekiranya ada) hendaklah ditambah kepada ansuran terakhir; atau
- (b) sekiranya pindaan anggaran cukai kurang daripada jumlah ansuran yang kena dibayar pada tahun sebelum pindaan anggaran cukai itu, bayaran bagi amaun baki ansuran yang melebihi perbezaan amaun yang harus dibayar berdasarkan kepada pindaan anggaran cukai, akan terhenti dengan serta-merta.

4.4 Arahan KPHDN untuk membuat bayaran ansuran

4.4.1 Menurut peruntukan subseksyen 107C(8) ACP, KPHDN boleh pada bila-bila masa mengarahkan mana-mana syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi membuat bayaran ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar bagi suatu TT. Antara keadaan di mana KPHDN boleh mengeluarkan Notis Bayaran Ansuran (CP205) ialah:

- (a) kegagalan pembayar cukai untuk mengemukakan Borang CP204 dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi suatu TT; atau
- (b) pembayar cukai memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan melalui Borang CP204B.

4.4.2 Sekiranya KPHDN mengeluarkan CP205 kepada syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi sebelum bulan ke 9 suatu tempoh asas untuk suatu TT, jumlah ansuran tersebut akan disifatkan sebagai anggaran cukai yang kena dibayar oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi untuk TT berkenaan. Walau bagaimanapun, bayaran ansuran cukai tersebut masih boleh dipinda oleh syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi menurut peruntukan subseksyen 107C(7) ACP.

Contoh 5 - Kelewatan mengemukakan Borang CP204

Era Gemilang Sdn Bhd telah beroperasi sejak 2000 dan tempoh perakaunannya berakhir pada 30 Jun. Tempoh asas syarikat untuk TT 2019 adalah daripada 1.7.2018 hingga 30.6.2019. Tarikh akhir pengemukakan Borang CP204 untuk TT 2019 adalah selewat-lewatnya pada 31.5.2018. CP205 telah dikeluarkan oleh KPHDN kepada Era Gemilang Sdn Bhd pada 15.6.2018 apabila syarikat gagal mengemukakan Borang CP204 untuk TT 2019 dalam tempoh yang ditetapkan.

Dalam situasi ini, CP205 yang dikeluarkan oleh KPHDN pada 15.6.2018 masih boleh dipinda dengan mengemukakan Borang CP204A pada bulan ke-6 atau bulan ke-9 bagi TT 2019.

- 4.4.3 Jumlah bayaran ansuran cukai yang diarahkan oleh KPHDN menurut subseksyen 107C(8) ACP adalah disifatkan sebagai pindaan anggaran cukai yang kena dibayar (sekiranya tiada pindaan lanjut dibuat oleh pembayar cukai di bawah subseksyen 107C(7) ACP) yang boleh digunakan untuk menentukan amaun kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP. Amaun kenaikan pada kadar 10 peratus akan dikenakan sekiranya perbezaan di antara cukai sebenar yang kena dibayar dengan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan) melebihi 30% daripada cukai yang kena dibayar.

5. Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan

- 5.1 Mulai TT 2019, peruntukan di bawah subseksyen 21A(3A) ACP menghendaki supaya syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi memaklumkan KPHDN mengenai sebarang pertukaran tempoh perakaunan melalui Borang Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan (Borang CP204B) dalam tempoh berikut:

5.1.1 Tempoh perakaunan dipendekkan

KPHDN hendaklah dimaklumkan melalui Borang CP204B, 30 hari sebelum berakhirnya tempoh perakaunan yang baharu jika akaun baharu disediakan untuk tempoh kurang daripada 12 bulan dan ditutup sebelum berakhirnya tempoh perakaunan asal.


Contoh 6 - Tempoh perakaunan 12 bulan dipendekkan kepada 9 bulan

Frozen Dynamic Sdn Bhd menukar tarikh penutupan akaun perniagaannya daripada 31 Disember kepada 30 September. Tempoh

perakaunan asal bagi TT 2019 adalah daripada 1.1.2019 hingga 31.12.2019. Tempoh perakaunan selepas pindaan (perakaunan baharu) bagi TT 2019 adalah daripada 1.1.2019 sehingga 30.9.2019 (9 bulan).

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Tarikh Pengemukaan Borang CP204 dan CP204B**

Tempoh Perakaunan		TT	Tempoh Asas	Tarikh Pengemukaan	
				Borang CP204	Borang CP204B
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Dis	1.1.2019 – 31.12.2019	2019	1.1.2019 – 31.12.2019	Selewat-lewatnya pada 1.12.2018	
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 30 Sept	1.1.2019 – 30.9.2019 (akaun baharu)	2019	1.1.2019 – 30.9.2019		Selewat-lewatnya pada 30.8.2019
	1.10.2019 – 30.9.2020	2020	1.10.2019 – 30.9.2020	Selewat-lewatnya pada 31.8.2019	



Borang CP204B bagi TT 2019 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 30.8.2019 (30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan baharu iaitu pada **30.9.2019**).

Tempoh asas bagi TT 2020 bermula pada **1.10.2019**. Oleh itu, Borang CP204 untuk TT 2020 hendaklah dikemukakan pada atau sebelum **31.8.2019** iaitu tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT 2020 [subseksyen 107C(2) ACP].

5.1.2 Tempoh perakaunan dipanjangkan


KPHDN hendaklah dimaklumkan melalui Borang CP204B, 30 hari sebelum tarikh akhir tempoh perakaunan asal jika akaun baharu disediakan untuk tempoh melebihi 12 bulan dan ditutup selepas berakhirnya tempoh perakaunan asal.

Contoh 7 - Tempoh perakaunan 12 bulan dipanjangkan kepada 21 bulan

Gahara Maju Sdn Bhd menukar tarikh penutupan akaun perniagaannya daripada 31 Mac kepada 31 Disember. Tempoh perakaunan asal bagi TT 2019 adalah daripada 1.4.2018 hingga 31.3.2019. Tempoh perakaunan selepas pindaan (akaun baharu) bagi TT 2019 adalah daripada 1.4.2018 hingga 31.12.2019 (21 bulan).

Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan Tarikh Pengemukaan Borang CP204 dan CP204B

Tempoh Perakaunan		TT	Tempoh Asas	Tarikh Pengemukaan	
				Borang CP204	Borang CP204B
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Mac	1.4.2018 – 31.3.2019	2019	1.4.2018 – 31.3.2019	Selewat-lewatnya pada 1.3.2019	
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Dis	1.4.2018 – 31.12.2019 (akaun baharu)	2019	1.4.2018 – 31.12.2019		Selewat-lewatnya pada 28.2.2019
	1.1.2020 – 31.12.2020	2020	1.1.2020 – 31.12.2020	Selewat-lewatnya pada 1.12.2019	



Borang CP204B bagi TT 2019 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 28.2.2019 (30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan asal iaitu pada **31.3.2019**).

Oleh itu, Borang CP204 bagi TT 2020 hendaklah dikemukakan pada atau sebelum **1.12.2019** (tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT yang berkenaan iaitu **1.1.2020**).

5.2 Pertukaran tempoh perakaunan berikutan penyelesaian syarikat

- 5.2.1 Bagi sebuah syarikat dalam penyelesaian, akaun penyelesai (*Liquidator's Account of Receipts & Payments & a Statement of the Position in the Winding-up*) perlu disediakan untuk tempoh 6 bulan dari tarikh penyelesai dilantik dan kemudian, bagi tempoh setiap 6 bulan berikutnya.
- 5.2.2 Oleh itu, syarikat dalam proses penyelesaian hendaklah mengemukakan Borang CP204B sebaik sahaja penyelesai dilantik bersama dengan surat rayuan kepada KPHDN untuk mengelakkan pengenaan kompaun atau penalti atau kenaikan bayaran cukai yang dikenakan berikutan kegagalan untuk memaklumkan pertukaran tempoh perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan.

6. Pengiraan Ansuran Cukai Dipinda Selepas Pertukaran Tempoh Perakaunan

- 6.1 Pertukaran tempoh perakaunan sesebuah syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi akan mengakibatkan perubahan tempoh

asas dan anggaran cukai yang kena dibayar. Pertukaran tempoh perakaunan boleh menyebabkan wujudnya salah satu daripada keadaan berikut:

6.1.1 Tempoh perakaunan dipendekkan

Contoh 8 - Tempoh perakaunan 12 bulan ditukar kepada kurang daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun yang berikutnya

Hamid Albab PLT yang kebiasaannya menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun telah menukar tempoh perakaunannya kepada 30 April (kurang daripada 12 bulan) yang berakhir dalam tahun yang berikutnya.

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2018	1.1.2018 – 31.12.2018	12 bulan
Tahun gagal	1.1.2019 – 30.4.2019	4 bulan
	1.5.2019 – 30.4.2020	12 bulan

Tempoh Asas PLT

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2018	1.1.2018 – 31.12.2018	12 bulan
2019	1.1.2019 – 30.4.2019	4 bulan
2020	1.5.2019 – 30.4.2020	12 bulan

Hamid Albab PLT telah mengemukakan Borang CP204 bagi TT 2019 pada 1.12.2018 dengan anggaran cukai yang kena dibayar sebanyak RM12,000. Pada 4.3.2019, Hamid Albab PLT telah mengemukakan Borang CP204B dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu sebanyak RM25,000. Bayaran ansuran telah dibuat sehingga Februari 2019.

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Disember	2019	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 30 April	2019	1.1.2019 – 30.4.2019 (4 bulan)	1.1.2019 – 30.4.2019 (4 bulan)	25,000 (CP204B)
	2020	1.5.2019 – 30.4.2020 (12 bulan)	1.5.2019 – 30.4.2020 (12 bulan)	

Hamid Albab PLT telah menutup tempoh perakaunannya kurang daripada 12 bulan. Tarikh akhir pengemukaan Borang CP204B bagi TT 2019 adalah pada **30.3.2019**, iaitu tidak lewat daripada 30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan baharu.

Borang CP204B yang dikemukakan oleh Hamid Albab PLT telah diterima oleh LHDNM dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu pada 4.3.2019. Oleh itu, pindaan jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 adalah seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran
Asal (CP204)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Feb 2019 – Jan 2020 = RM1,000 sebulan
Pemberi- tahuan (CP204B)	1.1.2019 – 30.4.2019 (4 bulan)	Feb 2019 (1 bulan) = RM1,000 x 1 bulan = RM1,000 Mac 2019 – Mei 2019 (3 bulan) = <u>(RM25,000 – RM1,000)</u> 3 = RM8,000 sebulan

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran	
		Jumlah bayaran ansuran:	
		Bulan	RM
		Feb 2019	1,000
		Mac 2019 – Mei 2019 (RM8,000 x 3 bulan)	24,000
		Jumlah	25,000

Tempoh asas untuk TT 2020 adalah daripada 1.5.2019 hingga 30.4.2020. Oleh itu, Borang CP204 bagi TT 2020 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 31.3.2019 (tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT 2020).

Contoh 9

Fakta adalah sama seperti di Contoh 8 kecuali pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu adalah RM2,000.

Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Disember	2019	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 30 April	2019	1.1.2019 – 30.4.2019 (4 bulan)	1.1.2019 – 30.4.2019 (4 bulan)	2,000 (CP204B)
	2020	1.5.2019 – 30.4.2020 (12 bulan)	1.5.2019 – 30.4.2020 (12 bulan)	

Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu berjumlah RM2,000 tidak diterima kerana amaun pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu dan amaun ansuran bulanan yang baharu adalah kurang daripada amaun anggaran cukai yang kena dibayar

yang asal dan amaun ansuran bulanan yang asal $[(RM2,000 - RM1,000)/3 = RM333 \text{ sebulan}]$.

Pindaan jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 adalah seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran								
Asal (CP204)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Feb 2019 – Jan 2020 = RM1,000 sebulan								
Pemberi- tahuan (CP204B)	1.1.2019 – 30.4.2019 (4 bulan)	Feb 2019 (1 bulan) = RM1,000 x 1 bulan = RM1,000 Mac 2019 – Mei 2019 (3 bulan) = RM1,000 x 3 bulan = RM3,000 Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Feb 2019</td><td>1,000</td></tr><tr><td>Mac 2019 – Mei 2019 (RM1,000 x 3 bulan)</td><td>3,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td><u>4,000</u></td></tr></table>	Bulan	RM	Feb 2019	1,000	Mac 2019 – Mei 2019 (RM1,000 x 3 bulan)	3,000	Jumlah	<u>4,000</u>
Bulan	RM									
Feb 2019	1,000									
Mac 2019 – Mei 2019 (RM1,000 x 3 bulan)	3,000									
Jumlah	<u>4,000</u>									

Tempoh asas untuk TT 2020 adalah daripada 1.5.2019 hingga 30.4.2020. Oleh itu, Borang CP204 bagi TT 2020 hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 31.3.2019 (tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT 2020).

Contoh 10 - Tempoh perakaunan 12 bulan ditukar kepada kurang daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun yang sama

Ibestari Senang Sdn Bhd yang kebiasaannya menutup akaun perniagaannya pada 28 Februari setiap tahun telah menukar tempoh perakaunannya kepada 31 Disember (kurang daripada 12 bulan) berakhir dalam tahun yang sama.

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2018	1.3.2017 – 28.2.2018	12 bulan
Tahun gagal	1.3.2018 – 31.12.2018	10 bulan
	1.1.2019 – 31.12.2019	12 bulan
	1.1.2020 – 31.12.2020	12 bulan

Tempoh Asas Syarikat

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2018	1.3.2017 – 28.2.2018	12 bulan
2019	1.3.2018 – 31.12.2019	22 bulan
2020	1.1.2020 – 31.12.2020	12 bulan

Ibestari Senang Sdn Bhd telah mengemukakan Borang CP204 bagi TT 2019 pada 30.1.2019 dengan anggaran cukai yang kena dibayar sebanyak RM12,000. Pada 13.2.2019, syarikat telah mengemukakan Borang CP204B dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu sebanyak RM55,000. Syarikat telah mematuhi jadual bayaran ansuran sehingga bulan Disember 2018 (bulan ke-10).

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 28 Februari	2019	1.3.2018 – 28.2.2019 (12 bulan)	1.3.2018 – 28.2.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Disember	2019	1.3.2018 – 31.12.2018 (10 bulan)	1.3.2018 – 31.12.2019 (22 bulan)	55,000 (CP204B)
		1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)		
	2020	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	

Ibestari Senang Sdn Bhd telah menutup tempoh perakaunannya kurang daripada 12 bulan dalam tahun yang sama. Oleh itu, untuk TT 2019, Ibestari Senang Sdn Bhd telah memanjangkan tempoh asasnya apabila terdapat dua tempoh perakaunan yang perlu digabungkan menjadi satu tempoh asas yang sama.

Borang CP204B bagi TT 2019 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan baharu iaitu pada **30.11.2018**. Borang CP204B telah diterima selepas tarikh akhir pengemukaan iaitu pada **13.2.2019**. KPHDN boleh mengambil tindakan pendakwaan di bawah perenggan 120(1)(i) ACP berhubung dengan kegagalan untuk memaklumkan KPHDN pertukaran tempoh perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen 21A(3A) ACP.

Jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 akan dipinda mulai ansuran yang ke-13 seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran								
Asal (CP204)	1.3.2018 – 28.2.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Apr 2018 - Mac 2019 = RM1,000 sebulan								
Pemberi- tahuan (CP204B)	1.3.2018 – 31.12.2019 (22 bulan)	Apr 2018 – Mac 2019 (12 bulan) = RM1,000 x 12 bulan = RM12,000 Apr 2019 – Jan 2020 (10 bulan) = <u>(RM55,000 – RM12,000)</u> 10 = RM4,300 sebulan Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Apr 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 12 bulan)</td><td>12,000</td></tr><tr><td>Apr 2019 – Jan 2020 (RM4,300 x 10 bulan)</td><td>43,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>55,000</td></tr></table>	Bulan	RM	Apr 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000	Apr 2019 – Jan 2020 (RM4,300 x 10 bulan)	43,000	Jumlah	55,000
Bulan	RM									
Apr 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000									
Apr 2019 – Jan 2020 (RM4,300 x 10 bulan)	43,000									
Jumlah	55,000									

Tempoh asas untuk TT 2020 adalah daripada 1.1.2020 hingga 31.12.2020. Oleh itu, Borang CP204 bagi TT 2020 hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 1.12.2019 (tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT 2020).

Contoh 11

Fakta adalah sama seperti di Contoh 10 kecuali pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu (Borang CP204B) adalah RM16,000.

Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 28 Februari	2019	1.3.2018 – 28.2.2019 (12 bulan)	1.3.2018 – 28.2.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Disember	2019	1.3.2018 – 31.12.2018 (10 bulan)	1.3.2018 – 31.12.2019 (22 bulan)	16,000 (CP204B)
		1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)		
	2020	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	

Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu (Borang CP204B) yang dikemukakan oleh Ibestari Senang Sdn Bhd berjumlah RM16,000 tidak diterima kerana amaun pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu dan amaun pindaan ansuran bulanan yang baharu adalah lebih rendah daripada amaun anggaran cukai yang kena dibayar yang asal dan amaun ansuran bulanan yang asal $[(RM16,000 - RM12,000)/10 = RM400 \text{ sebulan}]$.

Pindaan jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 adalah seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran								
Asal (CP204)	1.3.2018 – 28.2.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Apr 2018 - Mac 2019 = RM1,000 sebulan								
Pemberi- tahuan (CP204B)	1.3.2018 – 31.12.2019 (22 bulan)	Apr 2018 – Mac 2019 (12 bulan) = RM1,000 x 12 bulan = RM12,000 Apr 2019 – Jan 2020 (10 bulan) = RM1,000 sebulan Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Apr 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 12 bulan)</td><td>12,000</td></tr><tr><td>Apr 2019 – Jan 2020 (RM1,000 x 10 bulan)</td><td>10,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>22,000</td></tr></table>	Bulan	RM	Apr 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000	Apr 2019 – Jan 2020 (RM1,000 x 10 bulan)	10,000	Jumlah	22,000
Bulan	RM									
Apr 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000									
Apr 2019 – Jan 2020 (RM1,000 x 10 bulan)	10,000									
Jumlah	22,000									

6.1.2 Tempoh perakaunan dipanjangkan

Contoh 12 - Tempoh perakaunan 12 bulan ditukar kepada lebih daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun yang berikutnya

Jaizah Wahab Sdn Bhd yang kebiasaannya menutup akaun perniagaannya pada 31 Julai telah menukar tempoh perakaunannya kepada 31 Oktober (lebih daripada 12 bulan) berakhir dalam tahun yang berikutnya.

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2018	1.8.2017 – 31.7.2018	12 bulan
Tahun gagal	1.8.2018 – 31.10.2019	15 bulan
	1.11.2019 – 31.10.2020	12 bulan

Tempoh Asas Syarikat

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2018	1.8.2017 – 31.7.2018	12 bulan
2019	1.8.2018 – 31.10.2019	15 bulan
2020	1.11.2019 – 1.10.2020	12 bulan

Jaizah Wahab Sdn Bhd telah mengemukakan Borang CP204 bagi TT 2019 pada 2.7.2018 dengan anggaran cukai yang kena dibayar sebanyak RM12,000. Pada 7.4.2019, syarikat telah memaklumkan pertukaran tempoh perakaunannya dengan mengemukakan Borang CP204B tanpa meminda anggaran cukai yang kena dibayar.

Jaizah Wahab Sdn Bhd kemudiannya telah mengemukakan Borang CP204A pada 10.4.2019 (bulan ke-9) dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu sebanyak RM27,500. Syarikat memilih untuk memulakan pindaan ansuran bulanan yang baharu pada bulan ke-8 jadual ansuran. Bayaran ansuran telah dibuat hingga bulan Mac 2019.

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Julai	2019	1.8.2018 – 31.7.2019 (12 bulan)	1.8.2018 – 31.7.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Oktober	2019	1.8.2018 – 31.10.2019 (15 bulan)	1.8.2018 – 31.10.2019 (15 bulan)	27,500 (CP204A)
	2020	1.11.2019 – 31.10.2020 (12 bulan)	1.11.2019 – 31.10.2020 (12 bulan)	

Borang CP204B bagi TT 2019 telah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada atau sebelum **30.6.2019** (tidak lewat daripada 30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan asal). Borang CP204A telah diterima dalam bulan pindaan (bulan ke-9) iaitu pada 10.4.2019.

Oleh itu, jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 berdasarkan Borang CP204A adalah seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran										
Asal (CP204)	1.8.2018 – 31.7.2019 (12 bulan) = $\frac{\text{RM12,000}}{12}$	Sept 2018 – Ogos 2019 = RM1,000 sebulan										
Pindaan (CP204A)	1.8.2018 – 31.10.2019 (15 bulan)	Sept 2018 – Mac 2019 (7 bulan) = RM1,000 x 7 bulan = RM7,000 Pengiraan baki bayaran ansuran (8 bulan): Apr 2019 – Nov 2019 (8 bulan) = $\frac{(\text{RM27,500} - \text{RM7,000})}{8}$ = RM2,562.50 Baki bayaran ansuran dibundarkan seperti berikut: Apr 2019 – Okt 2019 (7 bulan) = RM2,562 sebulan Nov 2019 (1 bulan) = RM2,566 Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)</td><td>7,000</td></tr><tr><td>Apr 2019 – Okt 2019 (RM2,562 x 7 bulan)</td><td>17,934</td></tr><tr><td>Nov 2019</td><td>2,566</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>27,500</td></tr></table>	Bulan	RM	Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)	7,000	Apr 2019 – Okt 2019 (RM2,562 x 7 bulan)	17,934	Nov 2019	2,566	Jumlah	27,500
Bulan	RM											
Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)	7,000											
Apr 2019 – Okt 2019 (RM2,562 x 7 bulan)	17,934											
Nov 2019	2,566											
Jumlah	27,500											

Tempoh asas untuk TT 2020 adalah daripada 1.11.2019 hingga 31.10.2020. Oleh itu, Borang CP204 bagi TT 2020 hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 1.10.2019 (tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT 2020).

Contoh 13

Fakta adalah sama seperti di Contoh 12 kecuali Borang CP204A telah dikemukakan pada 10.4.2019 (bulan ke-9) dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu adalah RM6,000.

Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Julai	2019	1.8.2018 — 31.7.2019 (12 bulan)	1.8.2018 — 31.7.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Oktober	2019	1.8.2018 — 31.10.2019 (15 bulan)	1.8.2018 — 31.10.2019 (15 bulan)	6,000 (CP204A)
	2020	1.11.2019 — 31.10.2020 (12 bulan)	1.11.2019 — 31.10.2020 (12 bulan)	

Borang CP204A telah diterima dalam bulan pindaan (bulan ke-9) iaitu pada 10.4.2019. Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu sepertimana Borang CP204A yang dikemukakan pada 10.4.2019 walaupun jumlah pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu adalah lebih rendah daripada anggaran cukai yang kena dibayar yang asal.

Syarikat telah membuat bayaran ansuran cukai untuk tempoh September 2018 hingga Mac 2019 yang melebihi pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu. Oleh itu, bayaran ansuran bulanan syarikat akan diberhentikan dengan serta-merta. Pindaan jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 adalah seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran								
Asal (CP204)	1.8.2018 – 31.7.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Sept 2018 – Ogos 2019 = RM1,000 sebulan								
Pindaan (CP204A)	1.8.2018 – 31.10.2019 (15 bulan)	Sept 2018 – Mac 2019 (7 bulan) = RM1,000 x 7 bulan = RM7,000 Apr 2019 – Nov 2019 (8 bulan) = Tiada Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)</td><td>7,000</td></tr><tr><td>Apr 2019 – Nov 2019</td><td>-</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>7,000</td></tr></table>	Bulan	RM	Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)	7,000	Apr 2019 – Nov 2019	-	Jumlah	7,000
Bulan	RM									
Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)	7,000									
Apr 2019 – Nov 2019	-									
Jumlah	7,000									

Contoh 14

Fakta adalah sama seperti di Contoh 12 kecuali Borang CP204B telah dikemukakan pada 10.2.2019 dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu adalah RM27,500. Syarikat tidak mengemukakan Borang CP204A kepada LHDNM.

Syarikat telah mengemukakan Borang CP204B bagi TT 2019 dalam tempoh yang ditetapkan, iaitu tidak lewat daripada **30.6.2019** (30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan asal untuk TT berkenaan). Oleh itu, perubahan bayaran ansuran bagi TT 2019 akan dipinda mulai ansuran ke-13 seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran										
Asal (CP204)	1.8.2018 – 31.7.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Sept 2018 – Ogos 2019 = RM1,000 sebulan										
Pemberi- tahuan (CP204B)	1.8.2018 – 31.10.2019 (15 bulan)	Sept 2018 – Ogos 2019 (12 bulan) = RM1,000 x 12 bulan = RM12,000 Pengiraan baki bayaran ansuran (3 bulan): = <u>(RM27,500 – RM12,000)</u> 3 = RM5,166.66 Baki bayaran ansuran dibundarkan seperti berikut: Sept 2019 – Okt 2019 (2 bulan) = RM5,166 sebulan Nov 2019 (1 bulan) = RM5,168 Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Sept 2018 – Ogos 2019 (RM1,000 x 12 bulan)</td><td>12,000</td></tr><tr><td>Sept 2019 – Okt 2019 (RM5,166 x 2 bulan)</td><td>10,332</td></tr><tr><td>Nov 2019</td><td>5,168</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td><u>27,500</u></td></tr></table>	Bulan	RM	Sept 2018 – Ogos 2019 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000	Sept 2019 – Okt 2019 (RM5,166 x 2 bulan)	10,332	Nov 2019	5,168	Jumlah	<u>27,500</u>
Bulan	RM											
Sept 2018 – Ogos 2019 (RM1,000 x 12 bulan)	12,000											
Sept 2019 – Okt 2019 (RM5,166 x 2 bulan)	10,332											
Nov 2019	5,168											
Jumlah	<u>27,500</u>											

Contoh 15

Fakta adalah sama seperti di Contoh 12 kecuali Borang CP204B telah dikemukakan pada 7.4.2019 dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu adalah RM6,000. Syarikat tidak mengemukakan Borang CP204A kepada LHDNM.

Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Julai	2019	1.8.2018 – 31.7.2019 (12 bulan)	1.8.2018 – 31.7.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Oktober	2019	1.8.2018 – 31.10.2019 (15 bulan)	1.8.2018 – 31.10.2019 (15 bulan)	6,000 (CP204B)
	2020	1.11.2019 – 31.10.2020 (12 bulan)	1.11.2019 – 31.10.2020 (12 bulan)	

Borang CP204B telah diterima pada 7.4.2019. Walaupun Borang CP204B dikemukakan dalam bulan pindaan, pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu berjumlah RM6,000 tidak diterima kerana amaun pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu dan amaun ansuran bulanan baharu adalah kurang daripada amaun anggaran cukai yang kena dibayar yang asal dan amaun ansuran bulanan asal [$(RM6,000 - RM7,000)/8 = RM 0$].

Pindaan jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 adalah seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran
Asal (CP204)	1.8.2018 – 31.7.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Sept 2018 – Ogos 2019 = RM1,000 sebulan

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran								
Pemberi-tahuan (CP204B)	1.8.2018 – 31.10.2019 (15 bulan)	Sept 2018 – Mac 2019 (7 bulan) = RM1,000 x 7 bulan = RM7,000 Apr 2019 – Nov 2019 (8 bulan) = RM 1,000 x 8 bulan = RM 8,000 Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)</td><td>7,000</td></tr><tr><td>Apr 2019 – Nov 2019 (RM1,000 x 8 bulan)</td><td>8,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>15,000</td></tr></table>	Bulan	RM	Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)	7,000	Apr 2019 – Nov 2019 (RM1,000 x 8 bulan)	8,000	Jumlah	15,000
Bulan	RM									
Sept 2018 – Mac 2019 (RM1,000 x 7 bulan)	7,000									
Apr 2019 – Nov 2019 (RM1,000 x 8 bulan)	8,000									
Jumlah	15,000									

Contoh 16 - Tempoh perakaunan 12 bulan ditukar kepada lebih daripada 12 bulan dan berakhir dalam tahun ketiga

Koperasi Rania Emas yang kebiasaannya menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun telah menukar tempoh perakaunannya kepada 31 Januari (lebih daripada 12 bulan) berakhir dalam tahun ketiga.

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2018	1.1.2018 – 31.12.2018	12 bulan
Tahun gagal	1.1.2019 – 31.1.2020	13 bulan
	1.2.2020 – 31.1.2021	12 bulan

Tempoh Asas Koperasi

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2018	1.1.2018 – 31.12.2018	12 bulan
2019	1.1.2019 – 31.7.2019	7 bulan
2020	1.8.2019 – 31.1.2020	6 bulan
2021	1.2.2020 – 31.1.2021	12 bulan

Koperasi Rania Emas telah mengemukakan Borang CP204 bagi TT 2019 pada 2.12.2018 dengan anggaran cukai yang kena dibayar adalah RM12,000. Pada 21.6.2019, koperasi telah mengemukakan Borang CP204B dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu adalah RM27,000. Borang CP204 untuk TT 2020 telah dikemukakan pada 21.6.2019 dengan anggaran cukai yang kena dibayar sebanyak RM60,000. Bayaran ansuran untuk TT 2019 telah dibuat sehingga ansuran bulan Jun 2019 (ansuran ke-5).

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Disember	2019	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Januari	2019	1.1.2019 – 31.7.2019 (7 bulan)	1.1.2019 – 31.7.2019 (7 bulan)	27,000 (CP204B)
	2020	1.8.2019 – 31.1.2020 (6 bulan)	1.8.2019 – 31.1.2020 (6 bulan)	60,000 (CP204)

TT 2019 merupakan tahun gagal bagi Koperasi Rania Emas. Oleh sebab tempoh perakaunan Koperasi Rania Emas berakhir dalam tahun berikutnya, tempoh perakaunan ini akan dibahagikan kepada dua tempoh asas iaitu TT 2019 dan TT 2020.

Borang CP204B bagi TT 2019 hendaklah dikemukakan tidak lewat daripada 30 hari sebelum berakhir tempoh perakaunan asal untuk TT berkenaan iaitu pada **30.11.2019**. Borang CP204B telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 21.6.2019. Oleh itu, pindaan jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 adalah seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran								
Asal (CP204)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Feb 2019 – Jan 2020 = RM1,000 sebulan								
Pemberi-tahuan (CP204B)	1.1.2019 – 31.7.2019 (7 bulan)	Feb 2019 – Jun 2019 (5 bulan) = RM1,000 x 5 bulan = RM5,000 Jul 2019 – Ogos 2019 (2 bulan) = <u>(RM27,000 – RM5,000)</u> 2 = RM11,000 sebulan Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Feb 2019 – Jun 2019 (RM1,000 x 5 bulan)</td><td>5,000</td></tr><tr><td>Jul 2019 – Ogos 2019 (RM11,000 x 2 bulan)</td><td>22,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td><u>27,000</u></td></tr></table>	Bulan	RM	Feb 2019 – Jun 2019 (RM1,000 x 5 bulan)	5,000	Jul 2019 – Ogos 2019 (RM11,000 x 2 bulan)	22,000	Jumlah	<u>27,000</u>
Bulan	RM									
Feb 2019 – Jun 2019 (RM1,000 x 5 bulan)	5,000									
Jul 2019 – Ogos 2019 (RM11,000 x 2 bulan)	22,000									
Jumlah	<u>27,000</u>									

Jadual bayaran ansuran bagi TT 2020 adalah seperti berikut:

TT 2020	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran						
Asal (CP204)	1.8.2019 – 31.1.2020 (6 bulan) = <u>RM60,000</u> 6	Sept 2019 – Feb 2020 = RM10,000 sebulan Jumlah bayaran ansuran:						
		<table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)</td><td>60,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td><u>60,000</u></td></tr></table>	Bulan	RM	Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)	60,000	Jumlah	<u>60,000</u>
	Bulan	RM						
	Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)	60,000						
Jumlah	<u>60,000</u>							

Tempoh asas bagi TT 2021 adalah daripada 1.2.2020 hingga 31.1.2021. Oleh itu, Borang CP204 bagi TT 2021 hendaklah dikemukakan pada atau sebelum 1.1.2020 (tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh asas bagi TT 2021).

Contoh 17

Fakta adalah sama seperti Contoh 16 kecuali Borang CP204B untuk TT 2019 dan Borang CP 204 untuk TT 2020 telah dikemukakan pada 10.11.2019. Bayaran ansuran telah dibuat sehingga ansuran bulan Oktober 2019 (ansuran ke-9).

Koperasi telah mengemukakan Borang CP204B dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 10.11.2019. Jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 dikekalkan dan diberhentikan dengan serta-merta seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran						
Asal (CP204)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Feb 2019 – Jan 2020 = RM1,000 sebulan						
Pemberi- tahuan (CP204B)	1.1.2019 – 31.7.2019 (7 bulan)	Feb 2019 – Okt 2019 (9 bulan) = RM1,000 x 9 bulan = RM9,000 Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Feb 2019 – Okt 2019 (RM1,000 x 9 bulan)</td><td>9,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>9,000</td></tr></table>	Bulan	RM	Feb 2019 – Okt 2019 (RM1,000 x 9 bulan)	9,000	Jumlah	9,000
Bulan	RM							
Feb 2019 – Okt 2019 (RM1,000 x 9 bulan)	9,000							
Jumlah	9,000							

Jadual bayaran ansuran bagi TT 2020 adalah seperti berikut:

TT 2020	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran						
Asal (CP204)	1.8.2019 – 31.1.2020 (6 bulan)	Sept 2019 – Feb 2020 (6 bulan) = <u>RM60,000</u> 6 = RM10,000 sebulan Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)</td><td>60,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td><u>60,000</u></td></tr></table>	Bulan	RM	Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)	60,000	Jumlah	<u>60,000</u>
Bulan	RM							
Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)	60,000							
Jumlah	<u>60,000</u>							

Contoh 18

Fakta adalah sama seperti di Contoh 16 kecuali pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu (Borang CP204B bagi TT 2019) adalah RM6,700.

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

Tahun Perakaunan	TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM
<u>Asal</u> Akaun berakhir 31 Disember	2019	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan)	12,000 (CP204)
<u>Baharu</u> Akaun berakhir 31 Januari	2019	1.1.2019 – 31.7.2019 (7 bulan)	1.1.2019 – 31.7.2019 (7 bulan)	6,700 (CP204B)
	2020	1.8.2019 – 31.1.2020 (6 bulan)	1.8.2019 – 31.1.2020 (6 bulan)	60,000 (CP204)

Borang CP204B telah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 21.6.2019. Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu berjumlah RM6,700 tidak diterima kerana amaun pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu dan amaun pindaan ansuran bulanan baharu adalah kurang daripada amaun anggaran

cukai yang kena dibayar yang asal dan amaun ansuran bulanan asal [(RM6,700 – RM5,000)/2 = RM850].

Oleh itu, anggaran cukai yang kena dibayar dan jadual bayaran ansuran bagi TT 2019 dikekalkan seperti berikut:

TT 2019	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran						
Asal (CP204)	1.1.2019 – 31.12.2019 (12 bulan) = <u>RM12,000</u> 12	Feb 2019 – Jan 2020 = RM1,000 sebulan						
Pemberi- tahuan (CP204B)	1.1.2019 – 31.7.2019 (7 bulan)	Feb 2019 – Ogos 2019 (7 bulan) = RM1,000 x 7 bulan = RM7,000 Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Feb 2019 – Ogos 2019 (RM1,000 x 7 bulan)</td><td>7,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td>7,000</td></tr></table>	Bulan	RM	Feb 2019 – Ogos 2019 (RM1,000 x 7 bulan)	7,000	Jumlah	7,000
Bulan	RM							
Feb 2019 – Ogos 2019 (RM1,000 x 7 bulan)	7,000							
Jumlah	7,000							

Jadual bayaran ansuran bagi TT 2020 adalah seperti berikut:

TT 2020	Tempoh Asas	Bayaran Ansuran						
Asal (CP204)	1.8.2019 – 31.1.2020 (6 bulan)	Sept 2019 – Feb 2020 (6 bulan) = <u>RM60,000</u> 6 = RM10,000 sebulan Jumlah bayaran ansuran: <table><tr><th>Bulan</th><th>RM</th></tr><tr><td>Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)</td><td>60,000</td></tr><tr><td>Jumlah</td><td><u>60,000</u></td></tr></table>	Bulan	RM	Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)	60,000	Jumlah	<u>60,000</u>
Bulan	RM							
Sept 2019 – Feb 2020 (RM10,000 x 6 bulan)	60,000							
Jumlah	<u>60,000</u>							

7. Kenaikan Berkaitan Bayaran Ansuran Cukai dan Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar

- 7.1 Sekiranya syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi gagal membuat bayaran ansuran bulanan bagi anggaran cukai dalam tempoh yang ditetapkan, kenaikan sebanyak 10% akan dikenakan ke atas bayaran ansuran bulanan yang tidak dibayar tanpa sebarang notis dikeluarkan.
- 7.2 Sekiranya perbezaan di antara cukai sebenar yang kena dibayar dan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan) melebihi 30% daripada cukai sebenar yang kena dibayar, kenaikan cukai sebanyak 10% akan dikenakan ke atas perbezaan tersebut. Formula pengiraan amaun kenaikan cukai adalah seperti berikut:

$$\text{Kenaikan cukai} = [(\text{CS} - \text{AC}) - (30\% \times \text{CS})] \times 10\%$$

Di mana:

CS: Cukai sebenar yang kena dibayar

AC: Anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan).

Contoh 19

Labu Labi Sdn Bhd yang kebiasaannya menutup akaun perniagaannya pada 30 Jun setiap tahun telah menukar tempoh perakaunannya kepada 31 Disember (lebih daripada 12 bulan) berakhir dalam tahun yang sama.

TT	Tempoh Perakaunan	Tempoh
2018	1.7.2017 – 30.6.2018	12 bulan
Tahun gagal	1.7.2018 – 31.12.2019	18 bulan
	1.1.2020 – 31.12.2020	12 bulan

Tempoh Asas Syarikat

TT	Tempoh Asas	Tempoh
2018	1.7.2017 – 30.6.2018	12 bulan
2019	1.7.2018 – 31.12.2019	18 bulan
2020	1.1.2020 – 31.12.2020	12 bulan

Anggaran cukai kena dibayar yang asal (Borang CP204) bagi TT 2019 adalah RM24,000. Syarikat telah mengemukakan Borang CP204B pada 24.4.2019 dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar yang baharu adalah RM40,000. CP205 telah dikeluarkan oleh KPHDN pada 29.4.2019 dengan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar sebanyak RM40,000. Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) untuk TT 2019 yang diterima pada 30.7.2020 menunjukkan bahawa amaun cukai sebenar yang kena dibayar bagi TT 2019 adalah RM60,000.

CP205 adalah disifatkan sebagai anggaran cukai untuk Labu Labi Sdn Bhd dan kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP dikira seperti berikut:

TT 2019	RM
Cukai sebenar yang kena dibayar	60,000
Pindaan anggaran cukai yang kena dibayar	<u>40,000</u>
Perbezaan	<u>20,000</u>

Pengiraan amaun kenaikan cukai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= (\text{RM}60,000 - \text{RM}40,000) - (30\% \times \text{RM}60,000) \\ &= \text{RM}20,000 - \text{RM}18,000 \\ &= \text{RM}2,000 \end{aligned}$$

Kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP

$$\begin{aligned} &= \text{RM}2,000 \times 10\% \\ &= \text{RM}200 \end{aligned}$$

8. Kegagalan Pemberitahuan Pertukaran Tempoh Perakaunan

8.1 Berkuat kuasa mulai TT 2019, sekiranya syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi gagal mengemukakan Borang CP204B dalam tempoh yang ditetapkan, tindakan berikut akan diambil oleh KPHDN:

- 8.1.1 10% kenaikan di bawah subseksyen 107C(9) ACP berhubung dengan kegagalan pembayar cukai membuat bayaran ansuran;
- 8.1.2 10% kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP berhubung dengan perbezaan melebihi 30% di antara amaun sebenar cukai yang kena dibayar dan anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda (yang mana terkemudian) atau anggaran cukai yang asal (jika tiada anggaran cukai dipinda atau anggaran cukai disifatkan dipinda dikemukakan); atau

- 8.1.3 penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP berhubung dengan taksiran anggaran yang dibangkitkan di bawah subseksyen 90(3) ACP [subseksyen 112(3A) ACP]; atau
- 8.1.4 pendakwaan di bawah subseksyen 120(1)(i) ACP berhubung dengan kegagalan untuk memaklumkan KPHDN mengenai pertukaran tempoh perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan di bawah subseksyen 21A(3A) ACP.
- 8.2 Apa-apa penalti atau kenaikan yang disebut dalam perenggan 8.1.1, 8.1.2 dan 8.1.3 di atas yang dikenakan berdasarkan tempoh perakaunan asal akan dikekalkan dan boleh dipungut seolah-olah penalti atau kenaikan tersebut merupakan cukai yang kena dibayar kepada Kerajaan mengikut peruntukan sedia ada di bawah ACP walaupun syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi telah mengemukakan pindaan anggaran cukai yang kena dibayar atau mengemukakan BNCP dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan tempoh perakaunan yang bertukar.
- 8.3 Tindakan pendakwaan yang disebut dalam perenggan 8.1.4 di atas boleh dimulakan terhadap pembayar cukai yang gagal memaklumkan KPHDN mengenai pertukaran tempoh perakaunan dalam tempoh yang ditetapkan. Sekiranya disabitkan, pembayar cukai itu boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM200 dan tidak melebihi RM20,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya. Tindakan pendakwaan ini masih boleh diteruskan walaupun pembayar cukai itu telah mengemukakan BNCP.

Contoh 20 - Tempoh perakaunan dipendekkan dan tiada pemberitahuan dikemukakan

NSKL Sdn Bhd menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun.

TT 2018

Syarikat mengemukakan anggaran cukai yang kena dibayar melalui Borang CP204 bagi TT 2018 berjumlah RM24,000 dengan bayaran ansuran dibuat daripada 15.2.2018 hingga 15.1.2019. BNCP untuk TT 2018 telah dikemukakan pada 31.7.2019 dengan jumlah cukai yang kena di bayar berjumlah RM14,000.

TT 2019

Borang CP204 syarikat bagi TT 2019 telah diterima pada 30.11.2018 dengan anggaran cukai yang kena dibayar berjumlah RM30,000 bagi tempoh asas daripada 1.1.2019 hingga 31.12.2019. Syarikat mematuhi Borang CP204 hingga 31.12.2019.

Syarikat kemudiannya menukar tempoh perakaunannya daripada 31.12.2019 kepada 30.6.2019 tetapi Borang CP204B tidak dikemukakan kepada KPHDN pada atau sebelum 30.5.2019.

BNCP untuk TT 2019 telah dikemukakan pada 31.1.2020 bagi tempoh perakaunan yang baharu daripada 1.1.2019 hingga 30.6.2019 dengan cukai yang kena dibayar berjumlah RM50,000.

TT 2020

Pada 25.1.2020, KPHDN telah mengeluarkan CP205 berdasarkan Borang CP204 bagi TT 2019 berjumlah RM30,000. Syarikat tidak mengemukakan Borang CP204 kepada KPHDN bagi TT 2020 untuk tempoh perakaunan daripada 1.7.2019 hingga 30.6.2020 dan tiada bayaran ansuran cukai dibuat oleh syarikat. Pada 31.1.2021, syarikat telah mengemukakan BNCP tidak kena cukai bagi TT 2020.

Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar

Tempoh Perakaunan Asal	Tempoh Perakaunan Baharu	TT	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM	Cukai Sebenar yang Kena Dibayar RM
1.1.2018 – 31.12.2018	Tidak berkenaan	2018	1.1.2018 – 31.12.2018 (12 bulan)	CP204 RM24,000	14,000
1.1.2019 – 31.12.2019	1.1.2019 – 30.6.2019	2019	1.1.2019 – 30.6.2019 (6 bulan)	CP204 RM30,000	50,000
Tidak berkenaan	1.7.2019 – 30.6.2020	2020	1.7.2019 – 30.6.2020 (12 bulan)	CP205 RM30,000	0

TT 2018

BNCP untuk TT 2018 telah disifatkan pada 31.7.2019 dengan cukai sebenar yang kena dibayar sebanyak RM14,000. Amaun anggaran cukai yang kena dibayar berjumlah RM24,000 akan dibandingkan dengan cukai sebenar yang

kena dibayar berjumlah RM14,000. Oleh sebab anggaran cukai yang kena dibayar di dalam Borang CP204 melebihi cukai sebenar yang kena dibayar, tiada kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP dikenakan ke atas syarikat.

TT 2019

Syarikat mengemukakan Borang CP204 pada 30.11.2018, iaitu dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, semasa pertukaran tempoh perakaunan, syarikat gagal mengemukakan Borang CP204B kepada KPHDN tidak lewat daripada 30 hari sebelum bermulanya tempoh perakaunan yang baharu iaitu pada 30.5.2019.

Tindakan pendakwaan di bawah perenggan 120(1)(i) ACP boleh diambil terhadap NSKL Sdn Bhd berikutan kegagalannya mengemukakan Borang CP204B kepada KPHDN. Tindakan pendakwaan ini masih boleh diteruskan walaupun syarikat telah mengemukakan BNCP untuk TT 2019 pada 31.1.2020.

Tarikh akhir pengemukakan BNCP bagi TT 2019 berdasarkan tempoh perakaunan yang baharu adalah pada 31.1.2020. NSKL Sdn Bhd telah mengemukakan BNCP syarikat dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada 31.1.2020 bagi tempoh perakaunan daripada 1.1.2019 hingga 30.6.2019. Oleh itu, taksiran untuk TT 2019 adalah disifatkan pada 31.1.2020 dengan cukai sebenar yang kena dibayar sebanyak RM50,000.

Perbezaan di antara cukai sebenar yang kena dibayar dengan anggaran cukai yang kena dibayar (sepertimana Borang CP204) melebihi 30% seperti pengiraan di bawah. Oleh itu, syarikat akan dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP seperti berikut:

$$= [(RM50,000 - RM30,000) - (30\% \times RM50,000)] \times 10\%$$

$$= RM500$$

TT 2020

Syarikat mengemukakan BNCP bagi TT 2020 pada 31.1.2021 CP205 bagi TT 2020 yang dikeluarkan oleh KPHDN akan dibandingkan dengan cukai sebenar yang kena dibayar oleh syarikat. Oleh sebab cukai sebenar yang kena dibayar bagi TT 2020 adalah tidak kena cukai dan kurang daripada CP205, kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP tidak akan terpakai.

Walaupun bagaimanapun, kenaikan di bawah subseksyen 107C(9) ACP akan dikenakan ke atas syarikat kerana kegagalannya mematuhi CP205. Kenaikan di bawah subseksyen 107C(9) ACP ini akan dikekalkan dan boleh dipungut walaupun syarikat telah mengemukakan BNCP tidak kena cukai.

Contoh 21 - Tempoh perakaunan dipanjangkan dan tiada pemberitahuan dikemukakan

Omega Mining Sdn Bhd menutup akaun perniagaannya pada 30 Jun setiap tahun.

TT 2018

Syarikat mengemukakan anggaran cukai kena dibayar melalui Borang CP204 bagi TT 2018 berjumlah RM24,000 dengan bayaran ansuran dibuat daripada 15.8.2017 hingga 15.7.2018.

BNCP untuk TT 2018 telah dikemukakan pada 31.1.2019 dengan jumlah cukai yang kena dibayar sebanyak RM44,000.

TT 2019

Borang CP204 syarikat bagi TT 2019 telah diterima oleh KPHDN pada 31.5.2018 dengan anggaran cukai yang kena dibayar berjumlah RM36,000 bagi tempoh asas mulai daripada 1.7.2018 hingga 30.6.2019. Syarikat mematuhi bayaran ansuran sepertimana Borang CP204 hingga 15.7.2019.

Syarikat kemudiannya telah menukar tempoh perakaunan dengan melanjutkannya hingga 31.12.2019 tetapi tiada Borang CP204B dikemukakan kepada KPHDN pada atau sebelum 30.5.2019.

Taksiran anggaran di bawah subseksyen 90(3) ACP untuk TT 2019 telah dibangkitkan dengan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP pada 1.6.2020 dengan cukai yang kena dibayar berjumlah RM55,000 kerana BNCP bagi TT 2019 tidak diterima pada 31.1.2020.

BNCP untuk TT 2019 telah dikemukakan pada 31.7.2020 bagi tempoh perakaunan daripada 1.7.2018 hingga 31.12.2019 dengan cukai yang kena dibayar sebanyak RM40,000. Taksiran bagi TT 2019 telah disemak semula pada 10.8.2020 dan taksiran anggaran yang dibangkitkan di bawah subseksyen 90(3) ACP pada 1.6.2020 telah dikurangkan kepada RM40,000.

TT 2020

Pada 25.6.2019, KPHDN telah mengeluarkan CP205 berdasarkan Borang CP204 bagi TT 2019 berjumlah RM36,000 dengan ansuran bermula daripada 15.8.2019 hingga 15.7.2020 kerana tiada Borang CP204 untuk TT 2020 atau Borang CP204B untuk TT 2019 diterima oleh LHDNM pada atau sebelum 30.5.2019. Tiada bayaran ansuran cukai dibuat oleh syarikat terhadap CP205.

Pada 31.7.2021, syarikat telah mengemukakan BNCP untuk TT 2020 bagi tempoh perakaunan baharu daripada 1.1.2020 hingga 31.12.2020 dengan cukai yang kena dibayar sebanyak RM80,000.

**Ringkasan Pertukaran Tempoh Perakaunan dan
Pindaan Anggaran Cukai yang Kena Dibayar**

Tempoh Perakaunan Asal	Tempoh Perakaunan Pindaan	TT	Tempoh Asas	Anggaran Cukai yang Kena Dibayar RM	Cukai Sebenar yang Kena Dibayar RM
1.7.2017 – 30.6.2018	Tidak berkenaan	2018	1.7.2017 – 30.6.2018 (12 bulan)	CP204 RM24,000	44,000
1.7.2018 – 30.6.2019	1.7.2018 – 31.12.2019	2019	1.7.2018 – 31.12.2019 (18 bulan)	CP 204 RM36,000	40,000
Tidak berkenaan	1.1.2020 – 31.12.2020	2020	1.1.2020 – 31.12.2020 (12 bulan)	CP205 RM36,000	80,000

TT 2018

BNCP untuk TT 2018 telah disifatkan pada 31.1.2019 berjumlah RM44,000. Anggaran cukai yang kena dibayar berjumlah RM24,000 sepertimana Borang CP204 akan dibandingkan dengan cukai sebenar yang kena dibayar berjumlah RM44,000. Oleh sebab cukai sebenar yang kena dibayar melebihi anggaran cukai yang kena dibayar dengan perbezaan melebihi 30%, syarikat akan dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP seperti berikut:

$$= [(RM44,000 - RM24,000) - (30\% \times RM44,000)] \times 10\%$$

$$= RM680$$

TT 2019

Syarikat mengemukakan Borang CP204 pada 31.5.2018 iaitu dalam tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, semasa pertukaran tempoh perakaunan, syarikat gagal mengemukakan Borang CP204B tidak lewat

daripada 30 hari sebelum berakhirnya tempoh perakaunan asal iaitu 30.5.2019.

Tindakan pendakwaan di bawah subseksyen 120(1)(i) ACP boleh dimulakan ke atas Omega Mining Sdn Bhd berikutan kegagalannya mengemukakan Borang CP204B kepada KPHDN. Tindakan pendakwaan ini masih boleh diteruskan walaupun syarikat telah mengemukakan BNCP untuk TT 2019 pada 31.7.2020.

Taksiran anggaran yang dibangkitkan di bawah subseksyen 90(3) ACP disifatkan pada 1.6.2020 dengan cukai yang kena dibayar sebanyak RM55,000. Cukai yang kena dibayar yang disifatkan di bawah subseksyen 90(3) ACP akan dibandingkan dengan anggaran cukai yang kena dibayar sepertimana Borang CP204 bagi menentukan kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP. Oleh sebab perbezaan di antara cukai yang kena dibayar dengan anggaran cukai yang kena dibayar melebihi 30% dan syarikat akan dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP seperti berikut:

$$= [(RM55,000 - RM36,000) - (30\% \times RM55,000)] \times 10\%$$

$$= RM250$$

Tarikh akhir pengemukaan BNCP bagi TT 2019 berdasarkan tempoh perakaunan baharu adalah pada 31.7.2020. Omega Mining Sdn Bhd telah mengemukakan BNCP pada 31.7.2020, iaitu dalam tempoh yang ditetapkan bagi tempoh perakaunan daripada 1.7.2018 hingga 31.12.2019 dengan cukai yang telah dipinda berjumlah RM40,000.

Walaupun cukai yang kena dibayar untuk TT 2019 telah dipinda kepada RM40,000 dan perbezanya dengan anggaran cukai yang kena dibayar sepertimana Borang CP204 tidak melebihi 30%, kenaikan di bawah subseksyen 107C(10) ACP tetap dikekalkan [subseksyen 107C(11B) ACP] dan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP berhubung dengan taksiran anggaran pertama di bawah subseksyen 90(3) ACP bagi TT 2019 yang dibangkitkan pada 1.6.2020 hendaklah dikekalkan dan boleh dipungut [subseksyen 112(3A) ACP].

TT 2020

Tiada Borang CP204 dikemukakan oleh syarikat bagi tempoh perakaunan daripada 1.7.2019 hingga 30.6.2020. Oleh itu, KPHDN telah mengeluarkan CP205 pada 25.6.2019 untuk TT 2020 berdasarkan anggaran cukai yang kena dibayar bagi TT 2019 berjumlah RM36,000.

Kenaikan di bawah subseksyen 107C(9) ACP akan dikenakan ke atas syarikat kerana kegagalannya mematuhi CP205. Kenaikan di bawah subseksyen

107C(9) ACP ini akan dikekalkan dan masih boleh dipungut walaupun syarikat telah mengemukakan BNCP untuk TT 2020.

CP205 yang dikeluarkan oleh KPHDN akan dibandingkan dengan cukai sebenar yang kena dibayar oleh syarikat sebanyak RM80,000. Oleh sebab cukai yang kena dibayar melebihi amaun di bawah CP205 dengan perbezaan melebihi 30%, syarikat akan dikenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= [(RM80,000 - RM36,000) - (30\% \times RM80,000)] \times 10\% \\ &= RM2,000 \end{aligned}$$

9. Kemaskini dan Pindaan

KU ini menggantikan KU No. 7/2011 bertarikh 23 Ogos 2011.

10. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

11. KU ini perlu dibaca bersama dengan Ketetapan Umum No. 8/2014 mengenai Tempoh Asas bagi Suatu Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Badan Amanah dan Koperasi.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**